

28/05/1997

Umno Selangor mula isytihar harta

KUALA SELANGOR, Selasa - Beberapa ahli Exco kerajaan negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Selangor menganggap langkah mengisytiharkan harta kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) adalah untuk membuktikan mereka bersih.

Mereka yang memberikan kerjasama dengan menghantar semula borang itu sebelum tempoh dikehendaki BPR berkata langkah itu wajar dan perlu diperluaskan ke negeri lain.

Exco kerajaan negeri, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, berkata sebagai wakil rakyat adalah wajar mereka mengisytiharkan harta masing-masing supaya rakyat mengetahui kedudukan pendapatan mereka.

"Selama ini rakyat menganggap wakil rakyat hidup mewah tetapi mereka juga sebenarnya sama seperti orang lain yang hidup dengan pendapatan sederhana," katanya di sini, hari ini.

Menurutnya, inilah kali pertama beliau diminta berbuat demikian oleh BPR dan sebelum ini beliau hanya dikehendaki mengisytiharkan harta kepada Menteri Besar ketika dilantik menjadi exco.

Seorang lagi ahli Exco kerajaan negeri, Ch'ng Toh Eng, berkata beliau sudah menghantar borang pengisytiharan harta seperti mana yang diarahkan BPR.

"Bagi saya langkah ini adalah baik untuk memastikan kedudukan seseorang pemimpin itu bersih atau sebaliknya," katanya.

Sementara itu, Adun Paya Jaras, Datuk Saidin Tamby, berkata beliau tidak merasa sesuatu yang ganjil mengenai pengisytiharan harta itu.

"Ini adalah kali keempat saya berbuat demikian iaitu kali pertama semasa menjadi Setiausaha Politik, kedua ketika menjadi ahli exco, ketiga ketika menjadi Speaker dan kali terakhir saya istihar baru-baru ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya, sebelum ini, beliau hanya diminta membuat pengisytiharan harta kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Menteri Besar dan inilah kali pertama kepada BPR.

(END)